

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

SOALAN : 272

PR-1421-TO1587

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membanteras aktiviti *scammer* serta MLM yang masih rancak berlaku dan menipu terutamanya golongan muda.

JAWAPAN:

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana laman jual beli yang menjalankan operasi urus niaga dalam talian haruslah mengikut dan tertakluk kepada peruntukan Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) yang telah diletakkan di bawah bidang kuasa KPDNHEP berkuatkuasa pada 1 Julai 2013. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) akan bekerjasama dengan pihak PDRM dan KPDNHEP untuk menjalankan pengesanan, perkongsian maklumat dan aspek forensik digital bagi membanteras jenayah penipuan urus niaga dalam talian.
2. Sebanyak **681** laman palsu yang dikenali sebagai laman *phishing* telah disekat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM 1998) melalui usahasama pemantauan institusi-institusi perbankan yang terlibat dalam *Internet Banking Task Force (IBTF)* yang diketuai oleh Bank Negara Malaysia.
3. Selain itu, pihak penyedia perkhidmatan komunikasi juga telah diarahkan untuk mengemaskini pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar mengelakkan ianya disalahguna untuk tujuan penipuan dan seumpamanya. Sehingga Februari 2019, sebanyak **1,128,385** talian

prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **64%** talian telah ditamatkan perkhidmatannya dan **33%** telah dikemaskini dengan maklumat yang sah. Manakala baki sebanyak **3%** talian masih di dalam proses rektifikasi maklumat.

4. Pihak Kementerian turut memberi keutamaan terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penipuan dalam talian. SKMM turut menjalin kerjasama dengan Persatuan Bank Bank Malaysia (ABM) dan PDRM sejak tahun 2015 dalam kempen **Klik Dengan Bijak** (KDB) dengan mesej tentang Penipuan (*Scam*). Mesej advokasi ini dipromosikan melalui iklan akhbar, papan iklan, video dalam talian, iklan digital, serta hantaran media sosial melalui *key opinion leaders* (dengan izin). Mesej advokasi KDB juga dimasukkan dalam modul latihan SKMM untuk melatih Pengurus dan Penolong Pengurus daripada 871 Pusat Internet awam di seluruh negara. Program KDB akan diteruskan dan diperkasakan dengan mesej advokasi terkini, terutamanya mendidik masyarakat termasuk golongan muda dan kanak-kanak tentang modus operandi penipuan.

5. Pihak SKMM juga terlibat dalam Kempen Kesedaran dan Pencegahan Jenayah Siber yang diterajui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). **16** versi rerayap TV dan pesanan khidmat masyarakat (PSA) radio telah ke udara di stesen-stesen TV dan radio kerajaan dan swasta sejak 4 Oktober 2018 sehingga 31 Disember 2019. Dari Oktober sehingga 31 Januari 2019, jumlah hebahan di TV adalah sebanyak **29,568** dan jumlah hebahan radio adalah sebanyak **7,739**.

6. Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh SKMM membantu dalam memberikan maklumat atau peringatan bagi memupuk kewaspadaan orang ramai terhadap aktiviti penipuan dan cubaan penipuan dalam talian. Portal tersebut secara purata menerima sekitar 2.4 juta *hits* setiap bulan, dan dilihat sebagai antara wadah penting di dalam menyampaikan maklumat kesedaran kepada orang ramai. Selain dari membolehkan orang awam menyemak berita dalam talian yang diragui kesahihannya, fungsi portal Sebenarnya.my juga telah dikembangkan dengan slot ‘Waspada’, yang berfungsi dalam memberikan amaran atau peringatan kepada orang ramai termasuklah

memupuk kewaspadaan orang ramai terhadap penipuan dan cubaan penipuan dalam talian yang sedang aktif dilakukan. Pengwujudan slot ini juga antara lain akan mendorong pembudayaan amalan menyemak dan lebih kewaspadaan dalam kalangan masyarakat.

7. Walau bagaimanapun, bagi aktiviti *scammer* atau penipuan yang menjadikan perniagaan MLM untuk mengaburi mata orang awam, maka perkara ini adalah tertakluk di bawah kuasa PDRM (Jabatan Siasatan Jenayah Komersial) di bawah Undang-Undang Jenayah Komersial dan juga di bawah bidang kuasa KPDNHEP melalui Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (Akta 500).